



Kui Hian (kiri) pada majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Menteri Pelancongan, Kesenian, Kebudayaan, Belia dan Sukan Sarawak di Kuching, semalam.

Sarawak tubuh panel khas kekang penyakit anjing gila

➔ Jabatan Veterinar, PBT bincang bendung elak wabak menular

Oleh Mohd Roji Kawi
mdroji@bh.com.my

✦ Petra Jaya

Kerajaan Sarawak membentuk satu jawatankuasa khas bagi mengekang penularan

Info

Penyakit anjing gila

➔ **Wabak** berasal dari perkataan Latin, 'rabies'. Ia boleh menyebabkan radang otak akut, selain bersifat 'zoonosis' yang boleh merebak dari satu spesies kepada satu spesies, termasuk manusia.

penyakit anjing gila atau rabies di negeri ini.

Menteri Kerajaan Tempatan Sarawak, Datuk Dr Sim Kui Hian, berkata jawatankuasa itu yang membabitkan Jabatan Kesihatan, Jabatan Veterinar dan pihak berkuasa tempatan (PBT) mengadakan mesyuarat pertamanya semalam bagi membincangkan isu berkenaan.

Rancang langkah perlu

Justeru, katanya, orang ramai tidak perlu panik berikutan tiga kanak-kanak di Serian dikesan dijangkiti wabak rabies.

Beliau turut menyatakan Kementerian Kesihatan juga sedang merancang langkah perlu bagi mem-

bendung penularan wabak berkenaan.

"Jawatankuasa khas di peringkat negeri juga masih meneliti beberapa langkah pencegahan tetapi perkara pertama yang perlu kita lakukan ialah memberitahu orang ramai supaya tidak panik dan pergi ke hospital terdekat dengan segera jika menyedari kanak-kanak berkelakuan pelik seperti takut dengan air.

"Kadang-kadang ada anak-kanak yang digigit oleh anjing tetapi mereka tidak akan memberitahu ibu bapa atau ahli keluarga dan kita perlu berjaga-jaga kerana dikhuatiri mereka dijangkiti wabak itu," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada majlis rumah terbuka

Menteri Pelancongan, Kesenian, Kebudayaan, Belia dan Sukan Sarawak, Datuk Abdul Karim Rahman Hamzah, di sini semalam.

Kawal wabak

Kui Hian ketika mengulas lanjut, berkata jawatankuasa itu akan meneliti langkah bagi mengawal wabak di kawasan terjejas khususnya di Serian dengan memberikan vaksin rabies kepada penduduk, selain meningkatkan kesedaran di kalangan masyarakat.

Tiga kanak-kanak termasuk dua beradik, berusia empat, enam dan tujuh kini ditahan di unit rawatan intensif (ICU) Hospital Umum Sarawak (HUS).